

# Untung Petronas bukan untuk bayar subsidi minyak

UM - 6/3/2006

**Petronas tetap membayar kepada kerajaan dalam bentuk cukai, dividen dan royalti**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

Oleh **MUSTAFA KAMAL BASRI**  
dan **RAJA LUVENA SHARIFUDDIN**

**KUALA LUMPUR** 5 Mac - Kerajaan tidak boleh menggunakan keuntungan Petronas bagi membayar subsidi minyak kerana syarikat petroleum negara itu perlu menggunakan se mula keuntungan untuk membuat pelaburan di luar negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, pelaburan dalam industri minyak memerlukan perbelanjaan yang besar bernilai berbilion-bilion ringgit.

"Petronas perlu membuat pelaburan di luar negara bagi menampung bekalan minyak negara yang semakin berkurangan," katanya pada Majlis Perjumpaan Mengenai Isu-Isu Semasa Bersama Perdana Menteri, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Menurutnya, minyak merupakan khazanah negara yang sangat penting tetapi ia tidak akan bertahan lama.

"Menjelang 2010 bekalan minyak di Malaysia akan kehabisan, jika Petronas tidak membuat pelaburan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Petronas tetap membayar kepada kerajaan dalam bentuk cukai, dividen dan royalti.

"Bagi tahun kewangan 2004-2005, Petronas menyumbang RM31 bilion kepada kerajaan dalam bentuk bayaran cukai, dividen dan royalti.

"Jumlah itu adalah 47 peratus tambahan daripada jumlah yang disumbangkan

oleh Petronas kepada kerajaan pada tahun kewangan sebelumnya," kata beliau.

Menurut Abdullah, sumbangan Petronas itu merupakan 53 peratus daripada keuntungan kasar Petronas, yang berjumlah RM59 bilion dalam tempoh tahun kewangan tersebut.

Abdullah berkata, kerajaan menggunakan sumbangan Petronas itu untuk tujuan pembangunan dalam semua sektor.

## Tujuan

"Kerajaan tidak boleh menggunakan sumbangan Petronas itu semata-mata untuk tujuan membayar subsidi minyak.

"Sumbangan Petronas itu ialah pendapatan kerajaan, dan ia harus diagih-agihkan untuk tujuan pembangunan dalam semua sektor," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini, Malaysia mengeluarkan 650,000 tong minyak mentah sehari dengan 90 peratus daripadanya digunakan dalam negara.

Katanya, jika mengambil kira jumlah penggunaan yang begitu besar, jumlah sebenar pengeluaran bersih ialah 75,000 tong sehari.

Menurut Abdullah, bekalan minyak negara akan kehabisan dan menjelang 2010, Malaysia tidak lagi menjadi pengeksport bersih minyak, sebaliknya menjadi negara pengimport bersih minyak.

"Jika Petronas tidak membuat penerokaan di luar negara dengan membuat pelaburan Malaysia tidak akan mempun-



**ABDULLAH Ahmad Badawi meneliti buku penerangan pada Majlis Perjumpaan Mengenai Isu-Isu Semasa Bersama Perdana Menteri sambil diperhatikan Najib Tun Razak di PWTC, Kuala Lumpur.**

yai sumber minyak lagi.

"Apabila kerajaan tidak boleh mengeksport minyak lagi, maka kerajaan mungkin tidak mampu lagi memberi subsidi minyak," tambah beliau.

Menurutnya, Petronas sangat prihatin terhadap pembangunan negara sehingga majalah asing telah mengiktiraf Petronas sebagai sebuah syarikat minyak nasional yang sangat bertanggungjawab.